

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

**TARIKH JAWAPAN : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keengganan menyelesaikan kemelut penjualan air mentah berhubung langkah kerajaan Perak yang hanya mahu menjual air terawat sahaja kepada Pulau Pinang sebagaimana dicadangkan dalam Skim Bekalan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS), sedangkan kini hanya air mentah sahaja dijual antara negeri-negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pengurusan sumber air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Oleh itu, sebarang keputusan berhubung penyaluran air mentah antara dua negeri perlu dipersetujui secara bersama oleh kedua-dua negeri. Sehubungan itu, sukacita saya menyarankan agar Ahli Yang Berhormat mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Perak bagi mencapai kata sepakat dalam menangani isu ini.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada penjualan air mentah, penjualan bekalan air terawat antara negeri melalui operator-operator bekalan air negeri juga pernah dilaksanakan. Contohnya, penjualan air terawat daripada Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. dan daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. kepada Lembaga Air Perak yang masih dilaksanakan sehingga kini.
